

NO. SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]

TARIKH : 3 APRIL 2014

RUJUKAN : 6700

SOALAN:

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal pinjaman yang dibuat oleh peminjam yang tidak berlesen atau '*ah long*'. Berapakah jumlah pinjaman yang dibuat oleh pihak ini dalam tempoh 5 tahun yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk mengawal pinjaman yang dibuat oleh peminjam yang tidak berlesen atau '*ah long*' adalah seperti berikut:

- i. Mengambil pendekatan '*hit their pockets*' melalui tindakan di bawah seksyen 4(1) AMLATFA 2001;
- ii. Memberikan bantuan keselamatan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam operasi menurunkan poster / iklan along;
- iii. Menghadiri wawancara dengan media massa (TV9, Astro Awani, Al-Jazeera dan RTM) untuk menerangkan dan memberi kesedaran kepada orang ramai berkaitan dengan ancaman dan bahaya along;
- iv. Ceramah dan seminar bersama lain-lain agensi dan pertubuhan bukan Kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur (PKP);
- v. Menyebarluaskan '*brochures*' dan poster-poster kepada orang ramai bagi memberi maklumat kepada orang ramai cara-cara

- mengenali antara pemberi pinjam wang berlesen dengan along serta senarai agensi yang menawarkan perkhidmatan pinjaman secara mikro antaranya Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tekun Nasional, Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional dan Agro Bank; dan**
- vi. **PDRM bekerjasama dan berganding bahu dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam elemen penguatkuasaan, pencegahan dan kempen-kempen memerangi kegiatan along. Dalam menjayakan kerjasama ini juga, PDRM turut menempatkan beberapa orang pegawai kanan di Kementerian berkenaan.**

Pihak PDRM tidak mempunyai statistik berkaitan jumlah pinjaman yang dibuat oleh pihak peminjam kepada Ah Long ini bagi tempoh 5 tahun kebelakangan ini memandangkan pinjaman yang dibuat tidak mempunyai dokumen dan dibuat secara terus antara peminjam dan Ah Long berkenaan.